



Menarik di dalam

Webinar Sejarah

Jendela@Klang



Sejarah dan Warisan Fokus Utama Mencapai Taraf Bandaraya Diraja

Klang, 21 September 2021 – Daerah Klang sememangnya kaya dengan peninggalan sejarah. Sehubungan dengan itu MPK perlu mengambil kira kesan peninggalan warisan sejarah di Klang dalam pembangunan daerah Klang. Perkara ini penting kerana kefahaman masa dahulu membolehkan MPK merancang setiap pembangunan dengan lebih teliti.

Menurut Yang Dipertua MPK, Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, apabila elemen-elemen warisan sejarah menjadi teras dan diterapkan dalam setiap perancangan pembangunan bandar mahupun desa, sudah pasti Klang akan menjadi sebuah daerah yang makmur dan menjadi peneraju dalam memartabatkan warisan negara.

Warisan adalah peninggalan sejarah yang amat berharga bagi sesebuah negara. Kepentingan warisan menyebabkan banyak negara di dunia berusaha untuk memulihara dan menjaga bahan-bahan ini. Namun untuk menjaga dan memulihara warisan tersebut perlulah ada usaha yang berterusan supaya nilainya dapat dikekalkan untuk tatapan dan rujukan generasi akan datang. Begitu juga di daerah Klang yang ada nilai sejarah dan warisan untuk dipelihara dan dijaga. Beliau berkata demikian ketika merasmikan Webinar Sejarah dan Warisan Klang 2021 di Dewan Hamzah, Klang.

“MPK melihat Klang dalam konteks tiga hari, Klang dalam konteks semalam, dimensi hari ini dan akan datang. Dalam hal ini, kita menggerakkan semalam untuk kita gerakkan nilai dan kerangka pemikiran yang ke arah pemodenan dan sebagainya. Paling penting adalah nilai dan jati diri sesuatu bangsa dalam konteks ini bukan dari segi monumen,” kata beliau lagi.

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:
Pusat Sumber / E-Library MPK,
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.
Kurator: +603 33758088
Pusat Sumber: +603 33758006

Sidang Redaksi

Penaung

Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif

Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sanip

Pelatih / Penolong Pengarang

Rashidah Suria binti Radiman

Jendela@Klang

Klang, 16 September 2021 – Buat julang kalinya sebuah program media alternatif bertemakan promosi sejarah dan warisan Klang telah dilancarkan MPK. Program bertajuk *Jendela@Klang* menggunakan aplikasi TikTok dan disiarkan di platform Facebook, Instagram dan TikTok.

Disasarkan kepada golongan remaja serta belia, *Jendela@Klang* mempunyai 4 segmen unik dan eksotik tentang Klang iaitu:

- ✂ WarisanKlang
- ✂ EyeOnKlang
- ✂ Kudap2Klang
- ✂ IstimewaKlang



Jendela@Klang boleh ditonton menerusi:
Facebook: *Majlis Perbandaran Klang MPK Care*
Tiktok: [tiktok.com/@jendela_klang](https://www.tiktok.com/@jendela_klang)
Instagram:
https://www.instagram.com/jendela_klang?utm_medium=copy_link

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Bersempena dengan ulang tahun MPK ke-131, Webinar Sejarah dan Warisan Klang telah dilangsungkan pada 21 September lalu. Webinar yang akan berlangsung dalam 3 siri itu telah diadakan di Dewan Hamzah secara 'hibrid' dalam talian.

Seramai tiga orang pakar sejarah dari Universiti Malaya telah diundang sebagai panel pada siri pertama webinar. Mereka terdiri daripada Profesor Emeritus Datuk Abdullah Zakaria bin Ghazali, Dr Mardiana binti Nordin dan Dr Ling Tek Soon. Dr Azharuddin bin Md Dali pula sebagai Moderator.

Profesor Emeritus Datuk Abdullah Zakaria telah membentangkan peranan Klang dalam sejarahnya Kesultanan Selangor dan negeri Selangor, Dr Ling Tek Soon membawa kisah masyarakat Cina di Klang sebelum Perang Dunia Kedua dan Dr Mardiana membicarakan catatan tentang Klang dalam manuskrip Melayu lama.

Webinar ini bertujuan untuk memaparkan hasil-hasil penyelidikan terkini serta tafsiran dan maklumat baru tentang sejarah dan warisan di Klang. Hasil pembentangan webinar ini akan dikumpulkan dan disunting untuk diterbitkan sebagai sebuah buku pada hujung tahun ini, insya-Allah.

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*



Perutusan Yang Dipertua MPK Pelancaran Bulan Kebangsaan & Kibar Jalur Gemilang

Oleh Rashidah Suria binti Radiman 16 Ogos 2021

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian.

Sesungguhnya saya berasa amat gembira dan berbangga dapat bersama-sama dengan hadirin sekalian walaupun hanya secara berada dalam talian. Pada tahun ini tema hari kebangsaan masih dikekalkan dengan tema Malaysia Prihatin. Tema yang dipilih ini amat bertepatan dengan aspirasi yang disokong oleh kerajaan Malaysia bahawa seluruh rakyat Malaysia turut bersama-sama memerangi musuh di kala ini iaitu wabak Covid-19 semenjak lebih setahun yang lalu. Manakala prihatin merupakan inisiatif kerajaan yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia.

Kemerdekaan adalah sebuah nikmat yang besar buat kita semua seperti mana yang disebut Almarhum Tunku Abdul Rahman dalam pemasyhuran kemerdekaan 64 tahun yang lalu, negara kita hendaklah kekal merdeka dan berdaulat dan seluruh rakyatnya aman sejahtera dan sentosa selama-lamanya. Semangat Malaysia Prihatin ini bukan sahaja dizahirkan oleh mereka yang bertugas di barisan hadapan, malah rakyat dalam lapisan masyarakat yang merupakan wira yang tidak didendang tampil untuk memberikan bantuan dan sokongan tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik. Ini petanda baik yang membuktikan bahawa rakyat Malaysia boleh bersatu di waktu susah apatah lagi di waktu senang.

Meskipun kita masih dalam tempoh yang agak mencabar, namun saya tetap yakin hadirin sekalian mempunyai semangat cintakan negara yang tinggi dan dapat mengambil iktibar dan inspirasi daripada kepentingan meraikan bulan kebangsaan ini. Kita telah dilahirkan di tanah air ini dan menjadi sebahagian warganegara yang bersumpah setia untuk mempertahankannya sehingga akhir hayat kita.



Sidang hadirin yang saya hormati sekalian.

MPK sebagai PBT di kawasan Klang ini tidak mahu ketinggalan dalam menganjurkan program sempena bulan kebangsaan pada pagi ini. Walaupun program ini diadakan secara maya, namun program seperti ini dapat menyemarakkan lagi semangat perpaduan serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara sesama kita dan mewujudkan keharmonian antara kita dan negara ini khususnya di kalangan penduduk Klang. Semangat penghayatan kemerdekaan ini amat penting dan perlu kita teruskan agar semangat kemerdekaan ini akan terus kekal dan sejahtera. Janganlah kita melalukan perkara yang boleh menggugat kemerdekaan ini. Jadilah kita sebuah bangsa yang bersatu padu di atas nama bangsa Malaysia yang komited untuk terus majukan negara ini dan menjadi negara maju mengikut acuan kita sendiri.

Sambutan bulan kebangsaan ini dan program kibar jalur gemilang adalah untuk menyedarkan masyarakat khususnya kepada golongan belia dan remaja akan pentingnya menyambut bulan kemerdekaan. Selain itu, sambutan ini akan memberikan kita rasa keinsafan dalam diri betapa peritnya pejuang dan pemimpin kita terdahulu bersama-sama berusaha untuk memerdekakan negara ini daripada cengkaman penjajah tanpa mengira kaum dan agama.





Sebagai penjawat awam, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh, berdedikasi, cekap dan berkesan. Kepimpinan melalui teladan, nilai-nilai murni perkhidmatan awam, keutuhan dan integriti masih relevan harus dihayati dan diamalkan oleh setiap individu yang menganggotai perkhidmatan awam. Kita seharusnya sentiasa menjadi tunjang kepada sistem pentadbiran negara yang kukuh, progresif dan berintegriti.

Sebagai seorang penjawat awam di MPK, kita perlulah membudayakan nilai yang menekankan aspek membudayakan patriotisme, nilai-nilai murni penjawat awam terhadap kerajaan dan negara. Ini adalah sebahagian proses transformasi pembangunan sahsiah penjawat awam kepada insan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Begitu juga dengan penekanan elemen semangat patriotik yang perlu disemai dalam jiwa penjawat awam. Oleh itu, usaha berterusan menerusi sokongan yang padu daripada semua pihak pengurusan hingga peringkat pelaksana amat penting bagi menjamin kelestarian penjawat awam khususnya di MPK.

Sesungguhnya, keunggulan organisasi perkhidmatan awam ini adalah sejauh mana warga kerjanya mengamalkan nilai-nilai murni yang dimaksudkan dan mempunyai nilai etika kerja yang tinggi. Gejala yang tidak sihat seperti amalan rasuah, kurang iltizam, mementingkan diri sendiri, *double standard*, dan lain-lain lagi adalah antara amalan negatif yang boleh menjejaskan keberkesanan organisasi. Suka saya menyeru kepada hadirin sekalian, sentiasa menjaga disiplin dan tatasusila seperti mana yang telah ditetapkan oleh jabatan. Bekerjalah dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai visi dan misi jabatan, memelihara hubungan yang baik dengan rakyat dan wakil rakyat, menunaikan janji seperti mana yang ditetapkan dalam piagam pelanggan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui kursus dan latihan serta menunjukkan taat setia kepada kerajaan.

Hadirin yang dihormati sekalian.

Susulan pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan di 34 mukim di Selangor bermula 3 hingga 16 Julai yang lalu, pihak majlis telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan sumbangan bakul makanan MPK Prihatin 2021 bagi membantu golongan yang terjejas sepanjang tempoh PKPD tersebut. Pihak Majlis juga telah menerima sumbangan daripada tiga syarikat yang sudi membantu meringankan beban penduduk Klang yang dilanda kesusahan ini. Pihak Majlis merakamkan penghargaan kepada tiga syarikat yang menjalankan strategi sumbangan bakul makanan MPK Prihatin iaitu *Menteri Besar Selangor (Incorporated)*, *99 Speedmart* dan *Klang Group Holding Sdn. Bhd.* Pihak Majlis berharap sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban kakitangan dan masyarakat yang terjejas semasa pandemik ini dan dapat mewujudkan rangkaian dan penglibatan bersama agensi swasta dan badan bukan kerajaan bersama pihak Majlis.

Sebelum saya sudahi ucapan, ingin saya nyatakan di sini dalam keghairahan kita semua meraikan sambutan bulan kemerdekaan dengan memasang bendera jalur gemilang di rumah, pejabat dan kenderaan, janganlah kita lupa peranan bendera tersebut yang merupakan lambang utama kepada sesebuah negara. Sebagai rakyat Malaysia, saya yakin setelah 64 tahun negara menikmati kebebasan dan kemerdekaan, amalan mengibarkan jalur gemilang ini perlu sentiasa dibudayakan dalam kehidupan seharian kita tanpa rasa malu dan janggal.

Akhir kata, terimalah dua rangkap pantun daripada saya:

*Di sangkar merbah bertelur helang,
Kenari terlepas di hutan karah,
Berkibar megah jalur gemilang,
Bagai mengibar lipatan sejarah.*

*Terbang tinggi si burung merpati,
Hinggap sebentar di atas dahan,
Sudah 64 tahun kemerdekaan dirai,
Negara sejahtera penuh kenangan.*

Saya, dengan rasa suka cita dan lafaz *bismillahirrahmanirrahim*, merasmikan Program Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MPK pada pagi yang berbahagia ini. Saya ucapkan selamat menyambut Hari Kebangsaan ke-64 kepada semua penduduk Klang dan warga MPK khususnya.

Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Kupasan Pembentangan Ahli-ahli Panel Webinar

Oleh Rashidah Suria binti Radiman 21 September 2021

Klang Dalam Manuskrip Melayu Dr. Mardiana binti Nordin

Catatan awal tentang Klang ada ditemui dalam manuskrip-manuskrip sejarah luar negara misalnya dalam Laporan Cina. Klang ada dicatat pada zaman Dinasti Tang dan peta pelayaran Laksamana Cheng Ho. Di alam Melayu, manuskrip *Nagarakertagama* tulisan Prapanca pada tahun 1365 telah mencatat Klang adalah wilayah kekuasaan Majapahit.

Klang juga disebut dalam *Sulalatus-Salatin (Sejarah Melayu)* khasnya tentang Tun Perak, angkatan perang Klang dan persinggahan Raja Muzaffar putera Sultan Mahmud Melaka di Klang. Dua manuskrip lain adalah *Tuhfat Al-Nafis* dan *Hikayat Negeri Johor* yang menceritakan kisah Raja Jaafar di Klang.

Dato' Amar Diraja Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said dalam bukunya *Kenang-kenangan Selangor* mengisahkan tentang Perang Klang. Dalam bukunya *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, Dato' Bentara Dalam Muhammad Ibrahim Munsyi turut menceritakan keadaan dan suasana di Klang ketika Perang Klang.



Masyarakat Cina di Klang Sebelum Perang Dunia ke-2 Dr. Ling Tek Soon

'*Ba Sheng*' adalah panggilan Klang bagi masyarakat Cina di Klang yang dipercayai berasal daripada perkataan Melayu 'pasang'. Majoriti masyarakat Cina di Klang adalah suku Hokkien.

Ada 3 cara mengenali masyarakat Cina iaitu manusia (budaya), dewa dan hantu. Kebudayaan masyarakat Cina dilihat dari aspek kelab serta persatuan Cina, akhbar-akhbar Cina dan sekolah-sekolah Cina. Dewa dan hantu pula merupakan aktiviti kepercayaan orang Cina.

Pada peringkat awal kedatangan orang Cina ke Klang berkait rapat dengan industri perlombongan timah di Lembah Klang dan seterusnya pertanian serta perdagangan.

Antara tokoh-tokoh Cina terkemuka di Klang adalah Yeo Guan Hup, Goh Hock Huat, Li Kim Chuan dan Chan Ah Choo. Mereka mempunyai hubungan baik dengan Sultan Selangor, kerabat diraja serta pegawai-pegawai British dan dilantik memegang jawatan dalam badan-badan kerajaan. Masyarakat Cina ketika itu juga sangat taat kepada Sultan Selangor.



Klang Dalam Sejarah Kesultanan Selangor Klang Dalam Sejarah Negeri Selangor Prof. Emeritus Datuk Abdullah Zakaria

Apabila lipatan memori dan kolektif kesejarahan Klang dibuka maka amat banyak kisah serta peristiwa bersejarah yang kemudiannya mewarnai Kesultanan Selangor dan sejarah negeri Selangor.

Raja Abdullah telah diberi watak oleh Sultan Muhammad dan Sultan Abdul Samad sebagai Pembesar Klang dan dengan bantuan abangnya Raja Jumaat, telah mengusahakan perlombongan timah serta membawa masuk buruh Cina. Ibu negeri Selangor berpindah dari Klang ke Kuala Lumpur pada 1880 dan kemudian kembali semula ke Klang pada 1972.

Perang Klang mewarnai kesultanan dan sejarah Selangor kerana perang ini berlarutan di antara Raja Mahadi dan Raja Abdullah serta melibatkan penyokong pelbagai bangsa.

Istilah ‘pertabalan’ dan ‘kemahkotaan’ hanya digunakan negeri Selangor, bermula dengan Sultan Ala’eddin Suleiman Shah di Istana Mahkota Puri Klang pada tahun 1903 hinggalah pertabalan Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Alam Shah Klang pada hari ini.

Klang dan Kesultanan Selangor sangat berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan, malah boleh disebut Klang, Diraja Selangor.



Taklimat Kurator Perancangan Warisan MPK

Klang, 21 September 2021 – Majlis Perbandaran Klang telah menggariskan dua perancangan warisan utama bagi bandar Klang iaitu menaik taraf bandar Klang menjadi Bandaraya Diraja pertama dan seterusnya menjadi Bandaraya Warisan Diraja yang diiktiraf UNESCO.

Menurut Kurator MPK, Faisal Surani, kedua-dua perancangan ini adalah antara perancangan di bawah konsep Klang Sejahtera yang diterajui oleh Yang Dipertua MPK, Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin.

“Beberapa projek telah dirancang bagi merealisasikan tujuan tersebut iaitu Pangkalan Data Sejarah dan Warisan Klang, penerbitan Warta Warisan MPK, projek naik taraf Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang, program Bicarawara Sejarah dan Warisan serta program media Jendela Warisan. Kesemuanya akan diletakkan di Pusat Sejarah dan Warisan Klang yang akan ditubuhkan kelak,” katanya lagi.



Projek dan Program

- Pangkalan Data Sejarah dan Warisan Klang
- Buletin Bulanan Warta Warisan MPK
- Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang
- Bicarawara Sejarah dan Warisan
- Jendela Warisan



Live MPKlang is live now.

3h • 🌐

WEBINAR SEJARAH DAN WARISAN KLANG



Sebalik Tabir Webinar Sejarah



巴生歷史與遺產網絡研討會

往“皇家遺址城”目標邁進

市會辦研討會 集思廣益

（巴生22日訊）巴生市議會舉辦“2021年巴生歷史與遺產網絡研討會”，與各界努力往“皇家遺址城”（Bandar Warisan Diraja）目標邁進。

該市議會決定踏上申請之路後，就展開多方面的努力，包括於本月21日舉辦上述研討會，匯集多名歷史專家、教授及博士參與，發表對巴生歷史和遺產的意見和看法。

參與這項研討會的還有王宗成員、酋長、巴生地區官員、市議會官員、各政府和私人機構代表、村民、教師、學生、社區組織及旅遊機構等。

阿末法茲：

遺產豐富 須更仔細規劃

巴生市議會主席阿末法茲指出，巴生是我國最古老的地区之一，加上歷史遺產豐富，相關歷史和古蹟一直都被廣泛研究。



巴生市議會舉辦“2021年巴生歷史與遺產網絡研討會”，只有少數部分人獲准進入會場，其餘參與者都透過線上參與。前排左四為阿末法茲。（圖取自巴生市議會臉書）

他說，市議會在巴生發展中扮演著重要角色，必須更仔細地規畫区内發展。若歷史遺產元素能成為城市或乡村發展規畫的核心并加以應用，巴生肯定會成為一個繁榮的地区，並成為維護國家遺產的領導者。

“巴生的歷史可追溯到4500年前，巴生人留下

的文物，描述了他們的生活方式。同時，巴生市議會於今年8月31日也迎來131歲，見證過殖民時代、世界大戰至馬來西亞獨立等。”

他表示，巴生市議會已設定目標，通過“繁榮巴生”理念，使巴生成為一個歷史與時代繁榮城市。

Program Webinar Sejarah dan Warisan Klang turut mendapat liputan akhbar *Sin Chew* terbitan hari Khamis, 23 September 2021.

Menurut akhbar berkenaan, MPK sedang giat mengumpulkan sejarah masa lalu Klang dan sebagai salah satu usaha tersebut adalah dengan menganjurkan webinar berkenaan.

Webinar berkenaan diadakan bertujuan untuk mendapatkan input-input terkini tentang sejarah serta warisan bagi tujuan persediaan Klang ke arah menjadi Bandaraya Diraja.



Sekitar Webinar Sejarah dan Warisan Klang 2021

